



SIARAN MEDIA

PERIKANAN MENITI PERJALANAN 125 TAHUN

1. Diasaskan seawal 1894, pada hari ini Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyambut **ulangtahun penubuhannya yang ke 125 Tahun di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Pulau Pinang**. Dari sebuah unit sehingga berkembang menjadi salah sebuah jabatan terpenting di dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), ianya bersesuaian dengan tema “**Perikanan Lestari Merentasi Zaman**”. Merentasi 5 era, kini Jabatan Perikanan berada di era **Pemodenan Sektor Perikanan yang bermula dari 1990 hingga sekarang**.
2. Setelah lebih seabad industri perikanan bertapak di negara kita, antara kejayaannya adalah dalam sub sektor perikanan tangkapan, pengurusan dan perlindungan sumber termasuk taman-taman laut, industri akuakultur, industri tuna, aktiviti penyelidikan dan pemprosesan produk nilai tambah yang **menyumbang lebih RM20 bilion setahun kepada negara**.
3. **Pulau Pinang** menjadi lokasi pilihan sempena mengambil *spirit* dan mengimbas nostalgia **penubuhan Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar yang pertama** pada 1949 di Gelugor, Pulau Pinang dan **Sekolah Latihan Perikanan Laut yang pertama** juga di Gelugor pada tahun 1955. Penubuhan 2 institusi ini adalah rentetan sejarah DOF yang diasaskan oleh Kerajaan British pada tahun 1894 dalam mengawal aktiviti perikanan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terutamanya aktiviti penyelidikan dan latihan perikanan.

4. Beberapa langkah pembangunan juga telah diambil oleh DOF bagi memusatkan lagi pembangunan perikanan antaranya;

 - i. Program **Pemodenan Vesel** Penangkapan Ikan,
 - ii. Industri **Akuakultur** termasuklah penggunaan teknologi sangkar moden
 - iii. Industri **Tuna** yang mampu memperluaskan penerokaan Malaysia ke laut lepas yang dibuat melalui punca kuasa Akta Perikanan 1985 (Pindaan 2019) yang telah berkuatkuasa.
 - iv. Pembangunan, penyelidikan dan pengkomersilan (**RDC**) untuk mengatasi masalah penyakit ikan (**vaksin**) dan meningkatkan pengeluaran ikan (**DOFiA Red**) serta yang terkini kajian menternak udang putih secara **super intensif**.
 - v. Galakan sumber kekayaan baharu, seperti ikan **kelah, rumpai laut dan ikan hiasan**.
5. Pada hari ini DOF akan melancarkan produk "**Tuna Brand**" dalam usaha memperluaskan produk berasaskan yellowfin tuna yang telah menjadi revolusi makanan sihat yang mengandungi protein dan Omega 3 yang tinggi. Para pengusaha produk tuna ini telah mendapat bimbingan daripada DOF di mana orang ramai boleh juga mendapatkan menu-menu dan produk berasaskan tuna di Laman Perikanan, MAEPS Serdang.
6. Kemuncak majlis sambutan 125 tahun DOF ini adalah pelancaran **Lagu Jabatan** yang baharu serta penyampaian **sijil anugerah** bagi kategori; **Hospitaliti Terbaik Pejabat Perikanan Negeri, Anugerah Khas Peneraju Perubahan dan Sijil Penghargaan Kerjasama Strategik DOF-PDRM**.

7. Majlis dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Datuk Seri Salahuddin Ayub. Turut sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Ketua Pengarah Perikanan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah dari setiap Jabatan/Agensi serta pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan.
8. Sambutan ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya penduduk Pulau Pinang untuk mendapatkan maklumat berkaitan teknologi dalam industri perikanan. Selain itu kemasukan secara **percuma ke Akuarium Tunku Abdul Rahman** menjanjikan tarikan menarik, di samping pameran **model kapal tangkapan ikan moden, sangkar ternakan moden, pameran vivarium dan ikan hiasan yang memukau termasuk pameran Ikan Betta** yang berlangsung dari jam 9 pagi hingga 5 petang.
9. YB Datuk Seri Salahuddin juga menyatakan bahawa MOA komited mendukung agenda Kerajaan untuk menjadikan "**MOA Benteng Makanan Negara**" dengan penggunaan **Teknologi Digital & IR 4.0** yang dapat menarik minat golongan muda ke dalam sektor ini ke arah negara maju berpendapatan tinggi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

22 November 2019 (Jumaat) jam 4:00 petang.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my